

18/12/2001

Malaysia syor PBB rombak sistem veto

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Isnin - Malaysia mencadangkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) merombak sistem kuasa pembatal (veto) anggota tetap Majlis Keselamatan badan dunia itu, supaya lebih demokratik dan adil.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyifatkan keistimewaan untuk membatalkan sebarang keputusan Majlis Keselamatan oleh seorang anggota tetap seperti yang diamalkan sekarang, sebagai tidak adil.

Beliau mencadangkan satu formula baru lebih adil yang mana sekurang-kurangnya dua daripada lima anggota tetap dan satu anggota bukan tetap mesti memberi persetujuan, setiap kali kuasa pembatal digunakan.

Majlis Keselamatan PBB dianggotai 15 anggota iaitu lima anggota tetap dan 10 tidak tetap. Lima anggota tetap yang mempunyai kuasa pembatal ialah Amerika Syarikat, Russia, Britain, China dan Perancis.

"Penyalahgunaan kuasa pembatal oleh kuasa dunia, bermakna satu kehilangan besar kepada masyarakat antarabangsa. Kita sudah lihat beberapa kejadian apabila kuasa veto digunakan dengan niat untuk menafikan demokrasi oleh mereka yang sebenarnya menyokong demokrasi.

"Kita tidak faham mengapa tidak harus ada demokrasi dalam hubungan antarabangsa," katanya kepada pemberita di rumah terbuka hari raya kedua, khas untuk jemputan di Seri Perdana di sini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan Amerika Syarikat, Selasa lalu, menggunakan kuasa pembatalnya untuk mengetepikan ketetapan Majlis Keselamatan PBB yang menggesa penubuhan pasukan pemerhati antarabangsa bagi melindungi orang awam di Tebing Barat dan Gaza.

Usul itu mendapat sokongan sembilan negara berbanding satu yang membantah, empat berkecuali dan Ukraine tidak mengundi.

Negara yang menyokong adalah Bangladesh, Colombia, Jamaica, Mali, Mauritius, Singapura, Tunisia, Russia dan China. Britain, Perancis, Ireland dan Norway berkecuali.

Draf usul itu yang kemukakan Mesir dan Tunisia sehari selepas Israel bertindak memutuskan semua bentuk hubungan dengan pemimpin Palestin, Yasser Arafat.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak faham mengapa Amerika Syarikat menolak usul itu.

"Saya sudah menulis surat kepada Presiden (George W) Bush meminta pasukan pengaman dihantar ke Asia Barat dan mengulangi permintaan itu apabila saya menemuinya di Shanghai (ketika forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik - Apec).

"Tetapi tidak ada perubahan dalam pendirian Amerika," katanya dengan menambah Palestin akan terus ditindas oleh Israel selagi misi pengaman tidak dihantar ke wilayah Palestin.

Beliau berkata, rakyat Palestin akan terus tidak berdaya untuk mempertahankan diri dan dengan itu, tidak mengejutkan jika mereka sanggup mengambil risiko seperti menjadi pengebom berani mati.

"Kita selalu menekankan bahawa Palestin dan Israel harus diasingkan.... adalah tidak mungkin untuk meminta mereka duduk berbincang bersama di meja rundingan," katanya.

Dr Mahathir berkata selagi tidak ada kehadiran tentera PBB, Israel akan terus membelasah rakyat Palestin dan orang Palestin akan membalasnya dengan tindakan berani mati.

(END)